



PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD (416087-U)

Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran

PRIVACY NOTICE FOR JOB APPLICANTS TO PUNCAK NIAGA HOLDINGS BERHAD & SUBSIDIARIES

Notis Privasi untuk Pemohon Pekerjaan di Puncak Niaga Holdings Berhad & Anak-Anak Syarikat

Introduction

1. Your Personal Data has been and may be collected by Puncak Niaga Holdings Berhad or any of its' subsidiaries ("**Group**") from various sources including but not limited to information provided by you (whether in oral or written form), including those provided in the application process, your Curriculum Vitae, computers, or servers, and from third party information sources including your previous employer; reference, verification or background checks and/or from employment agencies; medical practitioners; or otherwise information generated during the course of your application for a job with the Group.

2. "**Personal Data**" means any information about you, from which you are identifiable, including but not limited to name; contact details; identity card/passport number and details; driving licence number and details; date and place of birth; education; employment; mobile phone number(s); and any information generated during the course of your application for a job with the Group, including any "**Sensitive Personal Data**". Sensitive Personal Data shall mean any information relating to:-
 - a. your physical and mental health; and
 - b. the commission or alleged commission by you of any offence.

Pengenalan

*Data Peribadi anda telah dan boleh dikumpul oleh Puncak Niaga Holdings Berhad atau mana-mana anak-anak syarikatnya ("**Kumpulan**") dari pelbagai sumber termasuk, tetapi tidak terhad kepada maklumat yang diberikan oleh anda (sama ada dalam bentuk lisan atau bertulis), termasuk yang diberikan semasa proses permohonan pekerjaan, "Curriculum Vitae" anda, komputer-komputer, atau server-server, dan dari sumber-sumber maklumat pihak ketiga termasuk bekas majikan anda; rujukan, pengesahan atau semakan latar belakang dan/atau dari agensi pekerjaan; pengamal perubatan; atau juga maklumat yang dijana semasa proses permohonan pekerjaan anda dengan Kumpulan.*

*"**Data Peribadi**" bermaksud apa-apa maklumat tentang anda, dari mana anda boleh dikenali, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda; butiran kenalan; nombor dan butiran kad pengenalan/pasport; nombor dan butiran lesen memandu; tarikh dan tempat lahir; maklumat pendidikan; maklumat pekerjaan; nombor-nombor telefon bimbit; sebarang maklumat yang diperolehi semasa proses permohonan pekerjaan anda dengan Kumpulan termasuk "**Data Peribadi Sensitif**". Data Peribadi Sensitif bermaksud sebarang maklumat berhubung dengan:-*

- a. *Kesihatan fizikal dan mental anda; dan*
- b. *Kesalahan atau kesalahan yang dikatakan dilakukan oleh anda.*

Processing of Personal Data

3. "Processing" means collecting, recording, holding or storing the personal data, including the organization, adaptation or alteration of personal data; the retrieval, consultation or use of personal data; the disclosure of personal data; and the alignment, combination, correction, erasure or destruction of personal data

4. The provision of your Personal Data to the Group and continued processing of your Personal Data by the Group is mandatory for, among others, the following purposes, failing which the Group will not be able to fulfil those purposes:-
 - a. Assessing your suitability for employment and/or placement in the Group;
 - b. Managing your obligations to the Group and vice versa;
 - c. Communicating with you;
 - d. General administrative and record keeping purposes;
 - e. Audit and compliance purposes;
 - f. Risk management and security purposes;
 - g. Regulatory approvals and compliance;
 - h. Compliance with the law and any amendments in force; and
 - i. For such other purposes as may be required by law.

5. The Group may disclose and transfer your Personal Data to the following parties (who may be located and process your Personal Data outside of Malaysia):
 - a. Any companies within the Group;
 - b. Any other companies affiliated and/or related with the Group;
 - c. Service providers of the Group including payroll services, insurance and medical providers, relocation services, travel agents, and other service providers and brokers or agents for the same.
 - d. Any external advisors or auditors;
 - e. Any local authorities, statutory bodies, government bodies, and governmental agencies;
 - f. Any person authorised by or under any law or by the order of a court.

Pemrosesan Data Peribadi

"Pemrosesan" bermaksud mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan data peribadi termasuk penyusunan, penyesuaian atau pengubahan data peribadi; mendapatkan kembali, merujuk kepada atau menggunakan data peribadi; penzahiran data peribadi; dan penjajaran, penggabungan, pembedahan, pemadaman atau pemusnahan data peribadi.

Pemberian Data Peribadi anda kepada Kumpulan dan pemrosesan berterusan Data Peribadi anda oleh Kumpulan adalah wajib bagi, antara lain, tujuan-tujuan berikut, tanpa mana, Kumpulan tidak dapat memenuhi tujuan-tujuan tersebut.

- a. Menilai kesesuaian anda untuk pekerjaan dan/atau penempatan dalam Kumpulan;
- b. Menguruskan obligasi-obligasi anda dengan Kumpulan dan sebaliknya;
- c. Berkomunikasi dengan anda;
- d. Tujuan pentadbiran am dan penyimpanan rekod;
- e. Tujuan audit dan pematuhan;
- f. Pengurusan risiko dan tujuan keselamatan;
- g. Kelulusan pihak berkuasa dan pematuhan kawal selia;
- h. Pematuhan undang-undang dan sebarang pindaan yang berkuatkuasa; dan
- i. Untuk mana-mana tujuan yang dikehendaki oleh undang-undang.

Kumpulan boleh mendedahkan dan memindahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak berikut (yang mungkin bertempat dan memproses Data Peribadi anda di luar Malaysia);

- a. Mana-mana syarikat dalam Kumpulan;
- b. Syarikat-syarikat gabungan dan/atau berkaitan lain dalam Kumpulan;
- c. Penyedia perkhidmatan Kumpulan termasuk perkhidmatan pembayaran gaji, penyedia insurans dan perubatan, perkhidmatan penempatan semula, agen pelancongan, dan penyedia perkhidmatan lain, dan broker atau agen untuk yang sama.
- d. Mana-mana penasihat luar atau juruaudit;
- e. Mana-mana pihak-pihak berkuasa tempatan, badan-badan berkanun, badan-badan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan;
- f. mana-mana orang yang diberi kuasa oleh atau di bawah sebarang undang-undang atau oleh perintah mahkamah.

Requests For Access and/or Correction

6. You may, in writing, request to access and/or correct your Personal Data and/or make any inquiries or complaints in respect of the processing of your Personal Data by contacting:

Designation : Executive Director, Human Resources & Administration Division
Phone No : +603-55228589 ext. 1557
Fax No : +603-55228576
Email : pdpofficer@puncakniaga.com.my

7. The Group has the right to refuse an access or correction request for the reasons provided under the law.

Other Terms

8. The Group shall have the right to modify, update or amend the terms of this Notice to reflect any changes in its privacy practices. Any modifications, updates or amendments to this Notice will be effective immediately upon notification to you. By continuing to communicate with the Group following the modifications, updates or amendments to this Notice shall signify your acceptance of such modifications, updates or amendments.
9. You may also request for a copy of the latest Notice by requesting for a copy from the Group's Human Resources & Administration Division.
10. In the event of conflict between the English and Malay version of this Notice, the English version shall prevail.

Permohonan Akses dan/atau Pembetulan

Anda boleh, dengan bertulis, memohon akses dan/atau membetulkan Data Peribadi anda dan/atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai pemprosesan Data Peribadi anda dengan menghubungi:

Jawatan : Pengarah Eksekutif, Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran
No Telefon : +603-55228589 samb. 1557
No Faks : +603-55228576
Emel : pdpofficer@puncakniaga.com.my

Kumpulan berhak untuk menolak permohonan akses atau pembetulan atas sebab-sebab yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

Terma-Terma Lain

Kumpulan mempunyai hak untuk mengubah suai, mengemas kini atau meminda terma-terma Notis ini untuk mencerminkan sebarang perubahan dalam amalan privasinya. Sebarang pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan kepada Notis ini akan berkuatkuasa serta merta setelah pemberitahuan diberikan kepada anda. Dengan terus berkomunikasi dengan Kumpulan selepas pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan kepada Notis ini akan menandakan anda menerima apa-apa pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan yang dibuat.

Anda juga boleh memohon untuk diberikan salinan terkini Notis dengan membuat permohonan kepada Bahagian Sumber Manusia & Pentadbiran Kumpulan.

Jika terdapat konflik di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Acknowledgement and Consent

11. I have read and understood this Notice and by signing and returning a copy of same, I expressly agree and consent to the collection, use, processing and transfer of my Personal Data as described in this Notice.
12. I certify that all information provided to the Group is true, correct, accurate and complete. I further warrant that the consent of third parties (e.g. my family/related persons, emergency contact persons, referees) whose personal data I have provided and disclosed to the Group have been obtained to allow the Group to process the same.

Pengakuan dan Persetujuan

Saya telah membaca dan memahami Notis ini dan dengan menandatangani dan memulangkan sesalinan dokumen ini, saya secara nyata bersetuju dan memberi persetujuan untuk pengutipan, penggunaan, pemprosesan dan pemindahan Data Peribadi saya sebagaimana yang diperihalkan dalam Notis ini.

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Kumpulan adalah benar, betul, tepat dan lengkap. Saya juga menjamin bahawa keizinan pihak-pihak ketiga (contohnya ahli keluarga saya/individu-individu berkaitan, orang dihubungi semasa kecemasan, rujukan-rujukan) di mana data peribadi mereka telah diberikan oleh saya dan didedahkan kepada Kumpulan telah diperlolehi untuk membenarkan Kumpulan memproseskan maklumat tersebut sewajarnya.

.....
Signature
Tandatangan

Date :
Tarikh

.....
Full Name
Nama Penuh

NRIC No :
No. K/P